

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Perkara Utama

- | | |
|---|--|
| <p>Apa yang diaudit?</p> | <ul style="list-style-type: none"> Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri. |
| <p>Mengapa ia penting untuk diaudit?</p> | <ul style="list-style-type: none"> Analisis yang dijalankan pula bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan secara menyeluruh pada akhir tahun 2022, di samping membantu Kerajaan Negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang. |
| <p>Apa yang ditemui Audit?</p> | <ul style="list-style-type: none"> Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah RM639.92 juta, menurun sebanyak RM93.71 juta berbanding RM733.63 juta pada akhir tahun 2021. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mencatatkan lebih semasa Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM30.98 juta berbanding defisit pada tahun 2021 berjumlah RM100.07 juta. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM123.78 juta (31.1%) menjadi RM521.22 juta berbanding RM397.44 juta pada tahun 2021. Tunggakan hasil pada tahun 2022 menurun sebanyak RM4.70 juta (3.2%) menjadi RM140.45 juta berbanding RM145.15 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menurun sebanyak RM4.71 juta (1.2%) kepada RM400.52 juta pada tahun 2022 berbanding RM395.81 juta pada tahun 2021. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebih berjumlah RM0.19 juta berbanding kurang sejumlah RM19.32 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan pembangunan |

adalah sejumlah RM114.91 juta (96.2%) daripada RM119.45 juta yang diperuntukkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM1.34 juta (3.3%) menjadi RM39.32 juta berbanding RM40.66 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut telah berkurang sebanyak RM2.71 juta (19.4%) kepada RM11.28 juta pada tahun 2022 berbanding RM13.99 juta pada tahun 2021.
- Jumlah Pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM501.24 juta, meningkat sebanyak RM40 juta (8.7%) daripada RM461.24 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, Pelaburan Am pada tahun 2022 dan 2021 adalah tidak berubah iaitu sebanyak RM47.72 juta.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM0.69 juta (0.1%) menjadi RM926.83 juta berbanding RM927.52 juta pada tahun 2021. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM46.93 juta (11.4%) menjadi RM459.36 juta berbanding RM412.43 juta pada tahun 2021.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- memastikan pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan 58(a) di mana permohonan pembayaran hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Selain itu, Pejabat Kewangan Negeri Sembilan perlu mengambil langkah penambahbaikan yang lebih proaktif bagi menangani isu berulang iaitu pembayaran di bawah AP58(a);
- meningkat dan mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan Negeri serta meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri; dan
- memantau serta berusaha memungut baki ABT sejumlah RM140.45 juta serta tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi negeri sejumlah RM11.28 juta. Liabiliti Kerajaan Negeri juga perlu diimbangi dengan membuat pembayaran bagi Hutang Awam secara berkala dalam jumlah yang konsisten.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2022 – RM521.22 Juta	2022 – RM405.55 Juta	2022 – RM39.32 Juta
2021 – RM397.44 Juta	2021 – RM374.57 Juta	2021 – RM40.66 Juta
↓ BELANJA	↑ LEBIHAN AKAUN HASIL DISATUKAN	PELABURAN
2022 – RM515.43 Juta	2022 – RM30.98 Juta	2022 – RM47.72 Juta
2021 – RM540.25 Juta	2021 – (RM100.07 Juta)	2021 – RM47.72 Juta
	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2022 – RM0	2022 – RM926.83 Juta
	2021 – RM0	2021 – RM927.52 Juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	
	2022 – RM234.37 Juta	
	2021 – RM359.06 Juta	

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022, juga membuat analisis mengikut prinsip Asas Perakaunan Tunai Ubah Suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2022, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM521.22 juta adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Manakala penggunaan dana sejumlah RM515.43 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus berjumlah RM400.52 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM114.91 juta. Butiran Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	521.22	397.44	123.78	31.1
Tolak:				
Perbelanjaan Mengurus (Termasuk bayaran balik Pinjaman Dalam Negeri tetapi tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan)	400.52	395.81	4.71	1.2
LEBIHAN/(KURANGAN)	120.70	1.63	119.07	7,304.9
Tolak:				
Perbelanjaan Pembangunan	114.91	144.44	(29.53)	(20.4)
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN	5.79	(142.81)	148.60	104.1
LEBIHAN DISOKONG/(KURANGAN DIBIAYAI) OLEH:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	25.39	(23.42)	48.81	208.4
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(19.60)	(119.39)	99.79	83.6
JUMLAH PEMBIAYAAN	5.79	(142.81)	148.60	104.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

3.3. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kukuh. Lebihan keseluruhan direkodkan pada tahun 2022 berjumlah RM5.79 juta berbanding kurangan RM142.81 juta pada tahun 2021, iaitu perbezaan sejumlah RM148.60 juta. Lebihan pada tahun 2022 adalah disebabkan peningkatan hasil sebanyak RM123.78 juta (31.1%), iaitu daripada RM397.44 juta pada tahun 2021 kepada RM521.22 juta pada tahun 2022.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM639.92 juta. Jumlah tersebut merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai sejumlah RM138.67 juta dan Pelaburan sejumlah RM501.24 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	405.55	374.57	30.98	8.3
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	234.37	359.06	(124.69)	(34.7)
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(51.25)	73.43	(124.68)	(169.8)
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(349.83)	(350.03)	0.20	0.1
	• Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	(5.63)	5.63	100.0
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	298.58	429.09	(130.51)	(30.4)
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	170.19	159.48	10.71	6.7
	iii. Akaun Wang Deposit	115.43	126.15	(10.72)	(8.5)
	JUMLAH	639.92	733.63	(93.71)	(12.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

4.2. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami penurunan sebanyak RM93.71 juta (12.8%) iaitu daripada RM733.63 juta pada tahun 2021 kepada RM639.92 juta pada tahun 2022. Penurunan ini disebabkan perubahan dalam Akaun Amanah Disatukan yang menurun sebanyak RM124.69 juta (34.7%). Bagaimanapun, Akaun Hasil Disatukan telah meningkat sebanyak RM30.98 juta (8.3%).


4.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2018 hingga 2022 menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dan 2020. Bagaimanapun, berlaku penurunan pada tahun 2021 dan 2022. Baki pada akhir tahun 2020 merupakan kedudukan yang tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	369.30	516.77	474.64	374.57	405.55
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	318.46	358.26	409.99	359.06	234.37
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(17.03)	51.11	80.36	73.43	(51.25)
	• Kumpulan Wang Pembangunan	(331.37)	(331.34)	(330.70)	(350.03)	(349.83)
	• Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	(30.63)	(29.72)	(17.99)	(5.63)	0.00
	• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	344.97	412.17	429.05	429.09	298.58
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	112.93	138.30	173.59	159.48	170.19
	iii. Akaun Wang Deposit	222.56	168.85	156.04	126.15	115.43
	JUMLAH	687.76	875.03	884.63	733.63	639.92

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan pada 31 Disember. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan termasuk simpanan tetap di institusi kewangan bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan merupakan wang tunai yang belum dibankkan dan wang dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada 31 Disember. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan penurunan sebanyak RM133.71 juta (49.1%) menjadi RM138.67 juta pada tahun 2022 berbanding RM272.38 juta pada tahun 2021. Punca utama penurunan tersebut adalah pengurangan baki Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM133.78 juta daripada RM272.23 juta pada tahun 2021 kepada RM138.45 juta pada tahun 2022. Kedudukan wang tunai pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Wang Tunai Dalam Bank	138.45	272.23	(133.78)	(49.1)
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.03	0.00	0.03	0.0
Wang Tunai Dalam Tangan	0.19	0.15	0.04	26.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	138.67	272.38	(133.71)	(49.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut perenggan 8(3) (b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta pelaburan saham sekiranya mempunyai lebih dana. Pada tahun 2022, pelaburan Kerajaan Negeri terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang menggunakan Kumpulan Wang dan Akaun Amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am, selain daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah, merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebih Akaun Hasil Disatukan.

5.2.2. Pada akhir tahun 2022, pelaburan Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM501.24 juta, meningkat sebanyak RM40 juta (8.7%) daripada RM461.24 juta pada tahun 2021. Punca utama peningkatan tersebut adalah pembelian simpanan tetap jangka panjang. Kerajaan Negeri sentiasa memantau pulangan keuntungan pelaburan dan merangka strategi dan mengenal pasti pelaburan yang memberikan pulangan yang lebih baik. Pada akhir tahun 2022, faedah yang diterima daripada pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM18.93 juta berbanding RM24.63 juta pada akhir tahun 2021.

5.2.3. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun, iaitu dari tahun 2018 hingga 2022 menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2018 hingga 2020 dan berlaku penurunan sebanyak RM78 juta (14.5%) pada tahun 2021.


Bagaimanapun, kedudukan pelaburan kembali meningkat sebanyak RM40 juta (8.7%) pada akhir tahun 2022. Baki pada akhir tahun 2020 merupakan kedudukan pelaburan tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2021 dan 2022 seperti dalam **Jadual 5**. Manakala kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Carta 2**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PELABURAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PELABURAN SIMPANAN TETAP		270.85	160.85	110.00	68.4
1.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd	45.00	0.00	45.00	100
2.	RHB Islamic Bank Bhd	43.00	0.00	43.00	100
3.	Bank Islam (M) Bhd (Pelaburan Am)	40.77	40.77	-	-
4.	Bank Islam (M) Bhd	57.00	0.00	57.00	100
5.	RHB Bank (M) Bhd	0.00	100.00	(100.00)	(100)
6.	Maybank Asset Management (HMK2024)	20.08	20.08	-	-
7.	Maybank Asset Management	65.00	0.00	65.00	100
PELABURAN SUKUK		229.92	299.92	(70.00)	(23.3)
8.	Kenanga Investor Bhd (Asnita Bond Sukuk Fund)	0.00	5.00	5.00	(100)
9.	RHB Bank (M) Bhd (Sukuk Dana Syamel)	37.79	37.79	-	-
10.	Maybank (M) Bhd (Sukuk Fund - MYR)	0.00	20.00	(20.00)	(100)
11.	Bank Islam (M) Bhd (ESG Sukuk Fund Class D Institution)	0.00	20.00	(20.00)	(100)
12.	Maybank (M) Bhd (Sukuk Fund – MMSF)	0.00	25.00	(25.00)	(100)
13.	Aiiman Affin Hwang (Aiiman Income Plus D Fund – AIPF)	20.00	20.00	-	-
14.	Affin Hwang Asset Management Bhd (AMB Discretionary Portfolio Mandate – DPM)	15.00	15.00	-	-
15.	Affin Hwang Asset Management Bhd (AMB Flexy Maturity Income Fund 17)	127.00	127.00	-	-
16.	Maybank Islamic (M) Bhd (Sukuk Dana Infra Nasional Bhd)	5.00	5.00	-	-
17.	Maybank Asset Management (Sukuk DRB HMK2024)	15.08	15.08	-	-
18.	Maybank Asset Management (Sukuk MBSB ASIFIN2029)	10.05	10.05	-	-
Jabatan Mufti Negeri Sembilan		0.40	0.40	-	-
19.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd	0.00	0.20	(0.20)	(100)
20.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd (33-0013565-3-0030)	0.10	0.00	0.10	100
21.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd (33-0086907-7-0030)	0.10	0.00	0.10	100
22.	RHB Bank (M) Bhd (3-55047-0006002-7)	0.20	0.20	-	-
Jabatan Kehakiman Syariah		0.07	0.07	-	-
23.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd (33-0013565-3-0031)	0.05	0.05	-	-
24.	Bank Islam (M) Bhd	0.02	0.02	-	-
JUMLAH		501.24	461.24	40.00	8.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

CARTA 2
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan bagi sesuatu tahun kewangan selaras dengan Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan mencatatkan lebihan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM30.98 juta berbanding defisit pada tahun 2021 berjumlah RM100.07 juta, iaitu lebihan sebanyak RM131.05 juta (131%). Lebihan ini adalah kesan daripada hasil melebihi perbelanjaan. Dengan mengambil kira lebihan ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2022 meningkat kepada RM405.55 juta berbanding RM374.57 juta pada tahun 2021. Butirannya seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	374.57	474.64	(100.07)	(21.1)
Hasil	521.22	397.44	123.78	31.1
Perbelanjaan*	490.24	497.51	(7.27)	(1.5)
LEBIHAN/ (DEFISIT)	30.98	(100.07)	131.05	131.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	405.55	374.57	30.98	8.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

Nota: (*) Perbelanjaan termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan RM89.71 juta (2022); RM101.70 juta (2021)

6.3. Analisis perbandingan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 pula mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM516.77 juta pada tahun 2019 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun. Bagaimanapun, baki terkumpul Akaun Hasil


Disatukan menurun kepada RM474.64 juta pada tahun 2020 dan RM374.57 juta pada tahun 2021, berbanding dengan trend peningkatan dari tahun 2018 ke tahun 2019. Bagaimanapun, terdapat peningkatan pada tahun 2022 di mana baki yang dicatatkan adalah pada RM405.55 juta. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 3**.

JADUAL 7
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	342.85	369.30	516.77	474.64	374.57
Hasil	421.24	556.44	447.88	397.44	521.22
Perbelanjaan	394.79	408.97	490.01	497.51	490.24
LEBIHAN/(DEFISIT)	26.45	147.47	(42.13)	(100.07)	30.98
BAKI PADA 31 DISEMBER	369.30	516.77	474.64	374.57	405.55

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada tiga kategori, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2022, kutipan hasil sebenar berjumlah RM521.22 juta melebihi anggaran diluluskan sebanyak RM89.22 juta (20.7%) berbanding RM432 juta anggaran yang diluluskan. Peningkatan permohonan pembangunan tanah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri melebihi anggaran. Jumlah hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2022 seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN PADA TAHUN 2022

BIL.	KATEGORI HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	160.37	160.65	0.28	0.2
2.	Hasil Bukan Cukai	211.64	297.53	85.89	40.6
3.	Terimaan Bukan Hasil	59.99	63.04	3.05	5.1
JUMLAH		432.00	521.22	89.22	20.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022

6.4.2. Secara keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM123.78 juta daripada RM397.44 juta pada tahun 2021 menjadi RM521.22 juta pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 31.1%. Peningkatan tersebut disebabkan oleh peningkatan ketiga-tiga kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing meningkat sebanyak RM13.77 juta (9.4%), RM105.20 juta (54.7%) dan RM4.81 juta (8.3%).

6.4.3. Hasil Cukai meningkat sebanyak RM13.77 juta (9.4%) kepada RM160.65 juta pada tahun 2022 berbanding RM146.88 juta pada tahun 2021. Hasil Bukan Cukai juga meningkat sebanyak RM105.20 juta (54.7%) kepada RM297.53 juta pada tahun 2022 berbanding RM192.33 juta pada tahun 2021. Manakala Terimaan Bukan Hasil yang juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM4.81 juta (8.3%) menjadi RM63.04 juta pada tahun 2022 berbanding RM58.23 juta pada tahun 2021. Peningkatan ketara Hasil Bukan Cukai adalah disebabkan oleh peningkatan terimaan premium pemberian milikan sejumlah RM88.81 juta. Inisiatif Kerajaan Negeri memberikan diskaun bagi pemaju yang menjelaskan bayaran sekali gus dalam tempoh yang ditetapkan dan tiada lagi pemberian nilai nominal kepada premium tanah kecuali kepada Badan-badan Berkanun Negeri memberi impak positif kepada kutipan premium. Jumlah hasil pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	KATEGORI HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	160.65	146.88	13.77	9.4
2.	Hasil Bukan Cukai	297.53	192.33	105.20	54.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	63.04	58.23	4.81	8.3
JUMLAH		521.22	397.44	123.78	31.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021


6.4.4. Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 hingga 2022 menunjukkan peningkatan pada tahun 2019. Bagaimanapun, kutipan hasil pada tahun 2020 dan 2021 mencatatkan penurunan dan meningkat semula pada tahun 2022. Tahun 2019 mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM556.44 juta bagi tempoh lima tahun tersebut. Trend kutipan hasil bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 10** dan **Carta 4**.

JADUAL 10
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	KATEGORI HASIL	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	136.42	147.91	144.77	146.88	160.65
2.	Hasil Bukan Cukai	223.37	288.55	233.74	192.33	297.53
3.	Terimaan Bukan Hasil	61.45	119.98	69.37	58.23	63.04
JUMLAH		421.24	556.44	447.88	397.44	521.22

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 Hingga 2022

CARTA 4
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

6.4.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri tahun 2022 adalah daripada Kutipan Perolehan daripada Jualan Barang-barang, Cukai Tanah, Terimaan Dari Agensi Kerajaan, Lesen Bayaran Pendaftaran dan Permit serta Perkhidmatan dan Bayaran. Semua hasil tersebut menyumbang sejumlah RM467.50 juta atau 89.7% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2022 yang berjumlah RM521.22 juta berbanding sejumlah RM354.77 juta atau 89.3% daripada RM397.44 juta pada tahun 2021.

6.4.6. Perolehan daripada Jualan Barang-barang merupakan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2022 dengan jumlah RM196.02 juta (37.6%) daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Manakala penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah Cukai Tanah dan Terimaan dari Agensi Kerajaan dengan masing-

masing berjumlah RM151.40 juta (29.0%) dan RM58.13 juta (11.2%). Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2022 dan 2021 seperti dalam **Jadual 11**. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 11
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	KOD HASIL	2022		2021	
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Perolehan daripada Jualan Barang-barang	73000	196.02	37.6	98.90	24.9
2.	Cukai Tanah	61100	151.40	29.0	143.88	36.2
3.	Terimaan dari Agensi Kerajaan	82000	58.13	11.2	55.50	14.0
4.	Lesen Bayaran Pendaftaran dan Permit	71000	37.28	7.2	38.49	9.7
5.	Perkhidmatan dan Bayaran	72000	24.67	4.7	18.00	4.5
JUMLAH PENYUMBANG UTAMA HASIL			467.50	89.7	354.77	89.3
JUMLAH HASIL			RM521.22 Juta		RM397.44 Juta	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	KATEGORI HASIL	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Perolehan daripada Jualan Barang-barang	121.50	174.34	127.67	98.90	196.02
2.	Cukai Tanah	128.72	141.01	140.53	143.88	151.40
3.	Terimaan dari Agensi Kerajaan	56.87	114.23	65.94	55.50	58.13
4.	Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	38.49	45.38	41.14	38.49	37.28
5.	Perkhidmatan dan Bayaran	18.64	28.42	14.72	18.00	24.67
JUMLAH		364.22	503.38	390.00	354.77	467.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

6.4.7. Analisis Audit mendapati lima butiran hasil yang meningkat dengan ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 13**. Justifikasi lima butiran hasil Kerajaan Negeri yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2022 berbanding 2021 yang turut dianalisis seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 13
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	73607 - Premium Pemberian Milikan	130.26	41.45	88.81	214.3	Terimaan bayaran penuh premium pemberian milikan daripada Kementerian Dalam Negeri bagi Tapak Penjara Seremban dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal bagi Tapak Sisa Pepejal Tampin hasil <i>engagement</i> berterusan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Selain itu, tindakan agresif Pejabat Tanah dalam memastikan bayaran premium tanah dijelaskan oleh pemaju dan syarikat mengikut tempoh 3 bulan.
2.	82308 - Pemberian Pertambahan Hasil	7.65	0.00	7.65	100.0	Terimaan pemberian ini adalah berdasarkan kepada Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007 berasaskan kepada prinsip perkongsian hasil. Pemberian kepada Kerajaan Negeri ini dibuat apabila terdapat pertambahan hasil oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun kewangan semasa berbanding tahun sebelum. Terimaan hasil ini ditentukan sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
3.	72199 - Bayaran Ikhtisas Yang Lain	24.47	17.82	6.65	37.3	Peningkatan urusan/transaksi di kaunter Pejabat Daerah dan Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) melibatkan urusan kaveat, permohonan pindah milik, permohonan tukar syarat, meletakkan gadaian dan lain-lain. Peningkatan ketara di PTGNS dengan jumlah peningkatan sebanyak RM4.72 juta berbanding tahun sebelum.
4.	73604 - Premium Tanah - Tukar Syarat	12.02	5.97	6.05	101.3	Terimaan premium tukar syarat tanah pertanian kepada industri oleh syarikat di daerah Rembau berjumlah RM5.8 juta. Selain itu, tindakan agresif pejabat tanah dalam memastikan bayaran premium tanah dijelaskan oleh pemaju dan syarikat mengikut tempoh tiga bulan.
5.	62801 - Cukai Tiket Wayang	5.27	0.43	4.84	1,125.6	Pengoperasian sepenuhnya pawagam pada tahun 2022 dan tayangan beberapa filem <i>box office</i> telah meningkatkan jualan tiket wayang. Selain itu, bayaran tunggakan cukai hiburan tahun 2021 yang dibuat secara ansuran yang diselesaikan dalam tahun 2022.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	82210 - Bayaran Balik Pinjaman oleh Badan-badan Berkanun dan Penguasa Tempatan	2.23	7.66	(5.43)	(70.9)	Penyelesaian bayaran balik baki pinjaman sepenuhnya oleh Syarikat Imapro pada tahun 2021 sejumlah RM5.6 juta.
2.	75203 - Faedah Dari Pelaburan Bon/Sukuk	5.67	10.56	(4.89)	(46.3)	Tindakan rasionalisasi strategi pelaburan semasa setelah mengambil kira kelembapan situasi ekonomi negara pada tahun 2022 yang menyaksikan sebahagian besar pelaburan di bawah Bon/Sukuk tidak dapat menjana

BIL.	BUTIRAN HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
						pulangan yang disasarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, sebanyak RM70 juta prinsipal pelaburan Bon/Sukuk telah dicairkan dengan hasil sebanyak RM0.71 juta dan dilaburkan semula ke dalam Deposit Pasaran Wang (DPW)
3.	71219 - Lesen Tumpang Sementara/ Lesen Menduduki Sementara	0.40	2.58	(2.18)	(84.5)	Penurunan ketara bagi Pejabat Tanah Seremban kerana terdapat status tanah telah diberikan kelulusan secara Pajakan Tanah Rizab melalui kod 74999 serta kelulusan pengurangan kadar Lesen Menduduki Sementara oleh MMKN berdasarkan kes rayuan.
4.	75201 - Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW)	11.67	12.64	(0.97)	(7.7)	Penurunan jumlah wang yang boleh dilaburkan pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 bagi menyediakan aliran tunai bagi membayar perbelanjaan yang besar dalam tempoh masa yang tidak dirancang.
5.	82311 - Pemberian Kos Perkhidmatan di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	6.75	7.46	(0.71)	(9.5)	Merupakan terimaan bagi caj perkhidmatan projek yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan negeri pada tahun 2021. Penurunan disebabkan oleh terdapat kekangan pelaksanaan projek berikutan PKP pada tahun 2021.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen; Perkhidmatan dan Bekalan; Aset; Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2022 berjumlah RM519.40 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus menurun sebanyak RM42.60 juta (7.6%) pada tahun 2022 berbanding RM562 juta pada tahun 2021. Jumlah peruntukan mengurus bagi perkhidmatan dan bekalan mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu meningkat sebanyak RM2.49 juta (2.4%) daripada RM104.88 juta pada tahun 2021 kepada RM107.37 juta pada tahun 2022. Selain itu, penambahan peruntukan mengurus bagi emolumen meningkat sebanyak 0.7% (RM1.35 juta) berbanding tahun 2021. Manakala peruntukan perbelanjaan mengurus bagi pemberian dan kenaan bayaran tetap, perbelanjaan lain dan aset mencatatkan penurunan iaitu masing-masing sejumlah RM31.27 juta (13.8%), RM9.14 juta (39.5%) dan RM6.03 juta (76.5%) berbanding tahun 2021. Kedudukan peruntukan perbelanjaan mengurus tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	201.22	199.87	1.35	0.7
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	107.37	104.88	2.49	2.4
3.	Aset	1.85	7.88	(6.03)	(76.5)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	194.95	226.22	(31.27)	(13.8)
5.	Perbelanjaan Lain	14.01	23.15	(9.14)	(39.5)
JUMLAH		519.40	562.00	(42.60)	(7.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

6.5.2. Pada tahun 2022, sejumlah RM400.52 juta (77.1%) telah dibelanjakan daripada peruntukan yang diluluskan sejumlah RM519.4 juta. Perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diluluskan seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN PADA AKHIR TAHUN 2022

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Emolumen	201.22	192.66	95.7
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	107.37	99.09	92.3
3.	Aset	1.85	1.80	97.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	194.95	100.45	51.5
5.	Perbelanjaan Lain	14.01	6.52	46.5
JUMLAH		519.40	400.52	77.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022

6.5.3. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak RM4.71 juta (1.2%) kepada RM400.52 juta pada tahun 2022 berbanding RM395.81 juta pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2022 berbanding 2021 mengikut maksud perbelanjaan seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	192.66	185.04	7.62	4.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	99.09	89.70	9.39	10.5
3.	Aset	1.80	7.49	(5.69)	(76.0)
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	100.45	91.61	8.84	9.6
5.	Perbelanjaan Lain	6.52	21.97	(15.45)	(70.3)
JUMLAH		400.52	395.81	4.71	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

6.5.4. Perbelanjaan bagi emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta pemberian dan kenaikan bayaran tetap menunjukkan peningkatan masing-masing sejumlah RM7.62 juta (4.1%), RM9.39 juta (10.5%) dan RM8.84 juta (9.6%). Manakala perbelanjaan bagi maksud perbelanjaan aset dan perbelanjaan lain menunjukkan penurunan masing-masing sejumlah RM5.69 juta (76%) dan RM15.45 juta (70.3%).

6.5.5. Analisis Audit dijalankan terhadap butiran perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2022 berbanding perbelanjaan tahun 2021. Semakan Audit mendapati perbelanjaan mengurus di bawah 14 Objek Sebagai mengalami peningkatan. Lima butiran perbelanjaan mengurus yang menunjukkan peningkatan ketara seperti dalam **Jadual 18**. Manakala perbelanjaan lima butiran perbelanjaan mengurus yang menunjukkan penurunan ketara seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 18
JUSTIFIKASI PENINGKATAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	25000 – Bahan-bahan Makanan dan Minuman	0.16	0.00*	0.16	6,054.9	Pembelian barang mentah di Pantri Pejabat YAB MB B08 dan B10 Pejabat DYMM untuk bahan mentah kegunaan istana. Langkah pembetulan penggunaan OS yang sebenar berbanding amalan sebelumnya.
2.	22000 – Pengangkutan Barang-barang	0.07	0.03	0.04	133.3	Pertambahan kakitangan membuat tuntutan kerana berpindah ke perumahan penjawat awam yang baru selesai serah kunci pada tahun 2022.
3.	21000 – Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	6.18	4.67	1.51	32.3	Pelaksanaan program di luar pejabat yang memerlukan pegawai/kakitangan bertugas di luar/melaksanakan lawatan tapak dan lain-lain. Antara program yang signifikan adalah jualan Nismilan Prihatin yang melibatkan beberapa jabatan khususnya jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di mana lokasi jualan adalah di setiap daerah setiap minggu.
4.	26000 – Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	2.14	1.65	0.49	29.7	Pertambahan bilangan kenderaan baharu seperti bas, jentera dan kaunter bergerak.
5.	29000 – Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	53.77	46.22	7.55	16.3	Program dan aktiviti di luar premis pejabat lebih rancak setelah fasa endemik Covid-19 dan perjumpaan <i>face to face</i> bagi kebanyakan program/kursus menjadi pilihan jabatan dalam memastikan informasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

Nota : (*) – RM0.00 = RM2,621.35

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENURUNAN KETARA PERBELANJAAN
MENGURUS PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	52000 – Bayaran-bayaran Lain	0.43	8.88	(8.45)	(95.2)	Tuntutan mahkamah sebenar perintah tidak seperti yang dibajetkan kerana kes masih berlangsung.
2.	51000 – Pulangan Balik dan Hapus Kira	6.09	13.10	(7.01)	(53.5)	Tuntutan pulangan balik hasil berkurangan kerana bayaran KWABA telah selesai.
3.	35000 – Harta Modal Yang Lain	1.19	4.10	(2.91)	(71.0)	Kawalan pembelian aset. Terhad kepada aset yang kritikal sahaja.
4.	34000 – Kenderaan dan Jentera	0.61	3.35	(2.74)	(81.8)	
5.	42000 – Pemberian Dalam Negeri	178.72	180.55	(1.83)	(1.0)	Caruman kepada KWP berkurangan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Bayaran ini boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut. Secara keseluruhannya, pembayaran di bawah AP58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada tahun 2022 menurun sebanyak RM0.95 juta (95.5%) menjadi RM45,341.63 pada tahun 2022 berbanding RM1 juta pada tahun 2021. Maklumat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JABATAN	2022 (RM)	2021 (RM)	PERUBAHAN	
				RM	%
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	23,402.63	968,528.68	(945,126.05)	(97.6%)
2.	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	19,153.10	448.00	18,705.10	4,175.2%
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1,728.00	0.00	1,728.00	100%
4.	Pejabat Daerah dan Tanah Seremban	624.00	0.00	624.00	100%
5.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	249.10	576.45	(327.35)	(56.8%)
6.	Jabatan Kehakiman Syariah	184.80	2,683.00	(2,498.20)	(93.1%)
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.00	10,207.67	(10,207.67)	(100%)
8.	Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan	0.00	7,216.74	(7,216.74)	(100%)
9.	Pejabat Kewangan Negeri	0.00	3,451.40	(3,451.40)	(100%)
10.	Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson	0.00	1,554.88	(1,554.88)	(100%)

BIL.	JABATAN	2022 (RM)	2021 (RM)	PERUBAHAN	
				RM	%
11.	Jabatan Mufti	0.00	1,113.15	(1,113.15)	(100%)
12.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	0.00	1,070.00	(1,070.00)	(100%)
13.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.00	400.00	(400.00)	(100%)
14.	JKR Rembau	0.00	252.50	(252.50)	(100%)
15.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (UPEN)	0.00	215.65	(215.65)	(100%)
JUMLAH		45,341.63	997,718.12	(952,376.49)	(95.5%)
BILANGAN BAUCAR		25	247		

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

- b. Bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2022 melibatkan 25 baucar bayaran bagi enam jabatan/pejabat untuk bayaran balik bil telefon bimbit, utiliti, bil bahan api dan bayaran tunggakan caruman PERKESO. Analisis Audit mengenai bayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2022 melibatkan perkara seperti berikut:
- Daripada 25 baucar bayaran berjumlah RM45,341.63, sebanyak dua baucar bayaran berjumlah RM20,881.10 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima, seperti mana yang telah ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan tersebut. Bagaimanapun, semua pembayaran tersebut telah mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri. Salah satu daripada baucar bayaran tersebut melibatkan pembayaran AP58(a) tahun 2022 yang dibuat bagi transaksi sebelum tahun 2021 iaitu bayaran tunggakan bil pembetulan bagi tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008 berjumlah RM19,153.10.
 - Tempoh pembayaran AP58(a) bagi tahun 2022 merekodkan 23 baucar bayaran berjumlah RM24,460.53 dibayar dalam tempoh bulan Januari hingga Jun 2022. Manakala dua baucar bayaran berjumlah RM20,881.10 dibayar pada Disember 2022. Kelewatan menerima tuntutan/bil dari pegawai/pembekal merupakan punca utama pembayaran di bawah AP58(a).

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri pada 5 Julai 2023

Tindakan lanjut yang telah dirancang dan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini antaranya seperti berikut:

- menambah baik tatacara ke arah mengurangkan permohonan AP58(a) melalui pelbagai platform seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, peringatan dalam setiap sesi semakan bajet tahunan dan pemakluman

melalui surat edaran serta mengeluarkan Pekeliling PKwNS Bil.5/2023 berkenaan Tatacara Pengurusan Pembayaran Melalui AP58(a);

- setiap permohonan AP58(a) disemak untuk mengetahui isu sebenar keperluan pembayaran tersebut berserta justifikasi kelewatan;
- peringatan secara verbal semasa sesi konsultasi diberikan terutamanya bagi bil-bil tertunggak dan setiap PTJ diarahkan untuk menghubungi syarikat utiliti untuk semakan bil lapuk dari semasa ke semasa;
- bekerjasama dengan pihak SUKNS dalam meningkatkan kesedaran pengurusan AP58(a); dan
- pihak SUKNS telah memaklumkan pihak hospital terlibat secara berperingkat untuk menyelaraskan tarikh pengebilan bermula bulan Mac 2023.

Pernyataan Audit	Tindakan penambahbaikan berterusan Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan jumlah pembayaran di bawah AP58(a).
-----------------------------	--

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu komponen di bawah Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan selaras dengan Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada tahun 2022, tiada pinjaman diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun Pinjaman Disatukan telah berbaki sifar pada akhir tahun 2022.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah satu komponen di bawah Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Ikatan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

8.2. Pada akhir tahun 2022, baki Akaun Amanah Disatukan menurun sebanyak RM124.69 juta (34.7%) kepada RM234.37 juta berbanding RM359.06 juta pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati penurunan baki Akaun Amanah Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Akaun Wang Deposit. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM124.68 juta (169.8%) menjadi defisit RM51.25 juta pada tahun 2022 berbanding RM73.43 juta pada tahun 2021. Manakala Akaun Wang Deposit pula menurun sebanyak RM10.72 juta (8.5%) menjadi RM115.43 juta pada tahun 2022 berbanding RM126.15 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	(51.25)	73.43	(124.68)	(169.8)
• Kumpulan Wang Pembangunan	(349.83)	(350.03)	0.20	0.1
• Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	(5.63)	5.63	100.0
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	298.58	429.09	(130.51)	(30.4)
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	170.19	159.48	10.71	6.7
iii. Akaun Wang Deposit	115.43	126.15	(10.72)	(8.5)
JUMLAH	234.37	359.06	(124.68)	(34.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.3. Analisis perbandingan pada tahun 2018 hingga 2022 mendapati baki Akaun Amanah Disatukan menunjukkan penurunan kecuali pada tahun 2019 dan 2020. Baki terkumpul Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM409.99 juta pada tahun 2020 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	(17.03)	51.11	80.36	73.43	(51.25)
• Kumpulan Wang Pembangunan	(331.37)	(331.34)	(330.71)	(350.03)	(349.83)
• Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	(30.63)	(29.72)	(17.98)	(5.63)	0.00
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	344.97	412.17	429.05	429.09	298.58
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	112.93	138.30	173.59	159.48	170.19
iii. Akaun Wang Deposit	222.56	168.85	156.04	126.15	115.43
JUMLAH	318.46	358.26	409.99	359.06	234.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

8.4.2. Pada tahun 2022, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM124.68 juta (169.8%) iaitu daripada RM73.43 juta pada tahun 2021 kepada defisit RM51.25 juta pada tahun 2022. Penurunan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disebabkan oleh pengurangan baki defisit Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (KWABA) sebanyak RM5.63 juta (100%) menjadi RM0.00 pada tahun 2022 berbanding RM5.63 juta pada tahun 2021. Selain itu, baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan menurun sebanyak RM0.20 juta (0.1%) kepada RM349.83 juta pada tahun 2022 berbanding RM350.03 juta pada tahun 2021. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga menurun sebanyak RM130.51 juta (30.4%) menjadi RM298.58 juta pada tahun 2022 berbanding RM429.09 juta pada tahun 2021. Kedudukan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	(349.83)	(350.03)	0.2	0.1
2.	Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	0.00	(5.63)	5.63	100.0
3.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	298.58	429.09	(130.51)	(30.4)
	<i>i. Akaun Penyelesaian</i>	2.00	2.00	0.00	0.0
	<i>ii. Akaun Pinjaman</i>	13.35	13.52	(0.17)	1.2
	<i>iii. Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	0.85	0.85	0.00	0.0
	<i>iv. Pelbagai Kumpulan Wang</i>	282.38	412.72	(130.34)	(31.6)
	BAKI PADA 31 DISEMBER	(51.25)	73.43	(124.68)	(169.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.5. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 406, Tahun 1966). Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan

Kesejahteraan Hidup serta Sewa Rumah Awam Kos Rendah. Kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut.

8.5.1. Prestasi Kewangan

- a. Pada akhir tahun 2022, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebih berjumlah RM0.19 juta berbanding kurangan sejumlah RM19.32 juta pada tahun 2021. Lebih pada tahun 2022 disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan pembangunan sejumlah RM29.53 juta (20.4%) berbanding perbelanjaan tahun sebelum. Bagaimanapun, terimaan pembangunan berkurangan sejumlah RM10.02 juta (8%) menjadi RM115.10 juta pada tahun 2022 berbanding RM125.12 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(350.02)	(330.71)	19.31	5.8
Terimaan	115.10	125.12	(10.02)	(8.0)
Perbelanjaan	114.91	144.44	(29.53)	(20.4)
LEBIHAN/KURANGAN	0.19	(19.32)	19.51	(101.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	(349.83)	(350.03)	(0.20)	(0.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.5.2. Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-12

- a. Bagi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-12, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM750 juta bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025. Agihan peruntukan di bawah RMKe-12 bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-12 BAGI TEMPOH 2021 HINGGA 2025

BIL.	JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	262.60
2.	Pejabat Menteri Besar*	160.00
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	85.99
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	69.55
5.	Jabatan Kerja Raya	60.72

BIL.	JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
6.	Jabatan Pertanian	57.98
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	29.31
8.	Jabatan Perhutanan	20.35
9.	Luar Jangka	3.50
JUMLAH		750.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal (Perkhidmatan Masyarakat)

- b. Pada akhir tahun 2022, sejumlah RM119.45 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan 395 projek yang dirancang. Tiada peruntukan tambahan bagi perbelanjaan pembangunan yang dibuat pada tahun 2022. Lima daripada lapan jabatan negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM36.49 juta (30.5%), Pejabat Menteri Besar sejumlah RM35 juta (29.3%), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sejumlah RM19.22 juta (16.1%), Jabatan Pengairan dan Saliran sejumlah RM9.24 juta (7.7%), dan Jabatan Pertanian sejumlah RM7.85 juta (6.6%). Agihan peruntukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan pelaksana serta bilangan projek pembangunan RMKe-12 yang diluluskan pada tahun 2022 seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
JABATAN PELAKSANA DAN BILANGAN PROJEK RMKe-12 PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PERUNTUKAN		BIL. PROJEK DILULUSKAN
		(RM Juta)	(%)	
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	36.49	30.5	185
2.	Pejabat Menteri Besar*	35.00	29.3	-
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	19.22	16.1	26
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	9.24	7.7	30
5.	Jabatan Pertanian	7.85	6.6	32
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.96	4.2	82
7.	Jabatan Kerja Raya	3.48	2.9	19
8.	Jabatan Perhutanan	2.71	2.3	21
9.	Peruntukan Luar Jangka**	0.50	0.4	0
JUMLAH		119.45	100.0	395

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

(**) - Kerja Luar Jangka

8.5.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12

a. Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2022 Berbanding Peruntukan

Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM114.91 juta (96.2%) daripada RM119.45 juta yang diperuntukkan pada tahun 2022 bagi membiayai pelbagai projek pembangunan. Pejabat Menteri Besar (bukan projek fizikal) mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM34.57 juta (30.1%). Manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM34.43 juta (30%) daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022. Pencapaian perbelanjaan pembangunan pada tahun 2022 berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah antara 54% hingga 98.8% seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PRESTASI PERBELANJAAN RMKe-12 PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	
				BERBANDING PERUNTUKAN	BERBANDING JUMLAH PERBELANJAAN
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	36.49	34.43	94.4	30.0
2.	Pejabat Menteri Besar*	35.00	34.57	98.8	30.1
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	19.22	18.59	96.7	16.2
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	9.24	8.78	95.0	7.6
5.	Jabatan Pertanian	7.85	7.76	98.8	6.8
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.96	4.87	98.2	4.2
7.	Jabatan Kerja Raya	3.48	3.31	95.1	2.9
8.	Jabatan Perhutanan	2.71	2.33	85.9	2.0
9.	Peruntukan Luar Jangka**	0.50	0.27	54.0	0.2
JUMLAH		119.45	114.91	96.2	100.0

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: (*) - Bukan Projek Fizikal

(**) – Kerja-kerja luar jangka

b. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12 Tahun 2022

Sebanyak 395 projek telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2022. Kesemua 395 projek (100%) keseluruhannya berjumlah RM114.91 juta telah berjaya disiapkan oleh tujuh jabatan negeri. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12 PADA TAHUN 2022

BIL.	JABATAN PELAKSANA	BIL. PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK SIAP
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	185	185
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	82	82
3.	Jabatan Pertanian	32	32
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	30	30
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	26	26
6.	Jabatan Perhutanan	21	21
7.	Jabatan Kerja Raya	19	19
JUMLAH		395	395
PERATUS (%)			100

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

8.6. Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air

Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2009, pengurusan air di Negeri Sembilan telah dikorporatkan melalui penubuhan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada akhir tahun 2022 berbaki sifar berbanding baki kredit RM5.63 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR
PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(5.63)	(17.99)	12.36	68.7
Terimaan	5.63	12.36	(6.73)	(54.4)
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	(5.63)	5.63	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.7. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang, Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Pada akhir tahun 2022, baki Kumpulan wang ini menurun sebanyak RM130.51 juta (30.4%) menjadi RM298.58 juta berbanding RM429.09 juta pada tahun 2021. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AKAUN AMANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Pinjaman	13.35	13.52	(0.17)	(1.2)
2.	Akaun Penyelesaian	2.00	2.00	0.00	0.0
3.	Pelbagai Kumpulan Wang	282.38	412.72	(130.34)	(31.6)
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.85	0.85	0.00	0.0
JUMLAH		298.58	429.09	(130.51)	(30.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.7.1. Pelbagai Kumpulan Wang - Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perenggan 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi membiayai kos penyenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Berdasarkan rekod *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri pada 31 Disember 2022 adalah 13,689km.
- b. Pada tahun 2022, baki akhir kumpulan wang ini menurun sebanyak RM129.06 juta (31.6%) menjadi RM278.96 juta berbanding RM408.02 juta pada tahun 2021. Terimaan berjumlah RM406.11 juta menurun sebanyak RM183.42 juta berbanding RM589.53 juta pada tahun sebelum. Terimaan berjumlah RM406.11 juta tersebut terdiri daripada peruntukan diterima daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM365.59 juta dan bayaran balik agihan daripada JKR Daerah sejumlah RM40.52 juta. Pembayaran juga menurun sebanyak RM50.62 juta kepada RM535.17 juta pada tahun 2022 berbanding tahun sebelum.
- c. Pembayaran pada tahun 2022 menurun sebanyak RM50.62 juta (8.6%) menjadi RM535.17 juta berbanding RM585.79 juta pada tahun 2021. Oleh itu, penggunaan peruntukan pada tahun 2022 adalah 146.4% berbanding 169.6% pada tahun 2021. Semakan selanjutnya mendapati perbelanjaan pengurusan termasuk bayaran emolumen berkaitan dengan penyenggaraan jalan negeri telah mematuhi had perbelanjaan yang ditetapkan dalam Perenggan 7.2 dan 7.3, Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan

Negeri (MARRIS). Garis panduan tersebut antara lain menetapkan perbelanjaan pengurusan penyenggaraan jalan negeri tidak boleh melebihi 5% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya atau RM5 juta, mana yang lebih rendah.

- d. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Sembilan pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGKARAAN JALAN RAYA PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	408.02	404.28	3.74	0.9
Penerimaan	406.11	589.53	(183.42)	(31.1)
Pembayaran	535.17	585.79	(50.62)	(8.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	278.96	408.02	(129.06)	(31.6)
Penggunaan Peruntukan (%)	*146.4	#169.6		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

Nota:(*) – RM535.17 juta berbanding peruntukan RM365.59 juta (RM406.11 juta tolak RM40.52 juta untuk pelarasan emolumen dan agihan)

(#) – RM585.79 juta berbanding peruntukan RM345.33 juta (RM589.53 juta tolak RM244.20 juta untuk lain-lain terimaan dan pelarasan bayaran balik agihan)

- e. Analisis perbandingan pada tahun 2018 hingga 2022 mendapati pembayaran/agihan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2022. Bayaran/Agihan pada tahun 2021 berjumlah RM585.79 juta merupakan penggunaan peruntukan tertinggi bagi tempoh lima tahun iaitu bersamaan dengan 169.6%. Kedudukan penggunaan peruntukan pada tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PENGGUNAAN PERUNTUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGKARAAN JALAN RAYA TAHUN 2018 HINGGA 2022

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Terimaan	231.93	333.26	345.33	345.33	365.60
Bayaran/Agihan	232.45	298.59	455.95	585.79	535.17
Penggunaan Peruntukan (%)	100.2	89.6	132.0	169.6	146.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

8.8. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan wang ini mengakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan orang awam. Sebanyak 45 Akaun Amanah Awam yang terdiri daripada 44 Akaun Amanah Am dan satu Akaun Amanah Khas diselenggara pada tahun 2022. Baki kumpulan wang pada akhir tahun 2022, meningkat sebanyak RM10.71 juta (6.7%) kepada RM170.19 juta berbanding RM159.48 juta pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	BUTIRAN AKAUN AMANAH	BIL. AKAUN 2022	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Amanah Khas	1	2.24	1.19	1.05	88.2
2.	Akaun Amanah Am	44	167.95	158.29	9.66	6.1
JUMLAH		45	170.19	159.48	10.71	6.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.8.1. Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membolehkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan hutan. Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Sumber dana akaun ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri, pinjaman atau pemberian Kerajaan Persekutuan, kutipan ses pembangunan hutan atau lain-lain wang yang dipungut di bawah undang-undang hutan.
- b. Pada tahun 2022, baki Akaun Amanah ini meningkat sebanyak RM1.05 juta (88.2%) menjadi RM2.24 juta berbanding RM1.19 juta pada tahun 2021. Terimaan berjumlah RM3.22 juta yang terdiri daripada peruntukan Kerajaan Negeri, ses perhutanan dan silvikultur juga meningkat sebanyak RM1.94 juta berbanding tahun sebelum. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH) pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1.19	1.62	(0.43)	(26.5)
Penerimaan	3.22	1.28	1.94	151.6
- Peruntukan Kerajaan Negeri	2.05	0.00	2.05	100.0
- Kutipan hasil, Ses Perhutanan dan Silvikultur	1.17	1.28	(0.11)	(8.6)
Pembayaran	2.17	1.71	0.46	26.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	2.24	1.19	1.05	88.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.8.2. Akaun Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Projek Rumah Awam Harga Rendah

- a. Kumpulan wang amanah ini ditubuhkan dengan tujuan memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau sumber lain bagi membiayai pembangunan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan pembiayaan lain yang berkaitan dengan RAHR di Negeri Sembilan.
- b. Pada akhir tahun 2022, baki akaun berjumlah RM35.20 juta berbanding RM41.35 juta pada tahun 2021. Penerimaan pada tahun 2022 menurun sebanyak RM1.57 juta (29.3%) menjadi RM3.78 juta berbanding RM5.35 juta pada tahun 2021. Penurunan terimaan tersebut adalah kerana pengurangan jumlah kutipan sewa. Kedudukan kumpulan wang amanah ini pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PEMBIAYAAN PROJEK
RUMAH AWAM HARGA RENDAH PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	41.35	45.68	(4.33)	(9.5)
Penerimaan	3.78	5.35	(1.57)	(29.3)
Pembayaran	9.93	9.68	0.25	2.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	35.20	41.35	(6.15)	(14.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.8.3. Akaun Amanah Permasalahan Rakyat

- a. Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan semua terimaan dan pembayaran berkaitan dengan penyelesaian permasalahan rakyat. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana akaun ini adalah melalui pemberian Kerajaan Negeri dan sumbangan awam. Pembayaran yang dibuat adalah berkaitan program bantuan kemiskinan, menaik taraf/membaik pulih infrastruktur dan kemudahan awam, menaik taraf/membaik pulih jalan kampung dan aduan lain berkaitan dengan permasalahan rakyat.
- b. Pada tahun 2022, sejumlah RM2.98 juta terimaan telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Terimaan berkurang sejumlah RM4.48 juta (60.1%) berbanding RM7.46 juta pada tahun 2021. Kedudukan Akaun Amanah Permasalahan Rakyat pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH
PERMASALAHAN RAKYAT PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021

PERKARA	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	4.52	5.80	(1.28)	(22.1)
Penerimaan	2.98	7.46	(4.48)	60.1
Pembayaran	3.36	8.74	(5.38)	(61.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	4.14	4.52	(0.38)	(8.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.9. Akaun Deposit

8.9.1 Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut.

8.9.2. Pada akhir tahun 2022, di bawah kategori deposit adalah Deposit Am Jabatan, Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit-deposit Lain. Satu kategori deposit baru direkodkan adalah lanjutan daripada Kerajaan Negeri Sembilan menggunakan sistem iSPEKS mulai 1 Januari 2020 iaitu Deposit Pelarasan yang terdiri daripada Deposit Pelarasan Cek Terbatal, Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD). Kedudukan Akaun Wang Deposit berdasarkan kategori pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN AKAUN WANG DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AKAUN AMANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am Jabatan Negeri	77.42	102.23	(24.81)	(24.3)
2.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	28.96	15.86	13.10	82.6
3.	Deposit-deposit Lain	3.47	3.69	(0.22)	(6.0)
	• <i>Deposit RAHR</i>	<i>1.68</i>	<i>1.71</i>	<i>(0.03)</i>	<i>(1.8)</i>
	• <i>Akaun Cagaran</i>	<i>1.65</i>	<i>1.86</i>	<i>(0.21)</i>	<i>(11.3)</i>
	• <i>Deposit-deposit Lain dan Akaun Cagaran</i>	<i>0.14</i>	<i>0.12</i>	<i>0.02</i>	<i>16.7</i>
4.	Deposit Pelarasan	5.58	4.37	1.21	27.7
	• <i>Deposit Pelarasan Cek Terbatal</i>	<i>1.78</i>	<i>4.03</i>	<i>(2.25)</i>	<i>(55.8)</i>
	• <i>Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal</i>	<i>0.54</i>	<i>0.34</i>	<i>0.20</i>	<i>58.8</i>
	• <i>Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan</i>	<i>3.26</i>	<i>0.00</i>	<i>3.27</i>	<i>100.0</i>
JUMLAH		115.43	126.15	(10.72)	(8.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

8.9.3. Baki akaun deposit pada akhir tahun 2022 menurun sebanyak RM10.72 juta (8.5%) menjadi RM115.43 juta berbanding RM126.15 juta pada tahun 2021. Penurunan tersebut antaranya adalah berpunca daripada pulangan balik/bayaran deposit Tenaga Nasional Berhad bagi maksud pengambilan tanah yang dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pembinaan pencawang elektrik di lima daerah. Selain itu, antara punca penurunan adalah pulangan balik deposit am yang tinggi di Pejabat Daerah dan Tanah Jempol disebabkan oleh permit bahan batuan yang tidak lagi aktif.

8.9.4. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Semakan Audit terhadap Daftar Pewartaan Berkaitan Deposit Bagi Tahun 2022 yang dikemukakan oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri mendapati satu PTJ iaitu PDT Rembau (Bahagian Hasil) telah mengambil tindakan pewartaan deposit berjumlah RM16,120 yang melibatkan empat pendeposit dari tahun 2020 hingga 2021. Manakala satu PTJ iaitu Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah diberi Kelulusan Khas pengecualian terhadap AP.162 (Deposit Yang Tidak Dituntut Hendaklah Diwartakan) kepada deposit cagaran yang tidak dapat dikenal pasti berjumlah RM275,853.64. Melalui tindakan pewartaan deposit tersebut dan Kelulusan Khas pengecualian daripada tindakan warta terdapat deposit yang masih tidak dituntut berjumlah RM291,973.64 dan telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
JABATAN/PEJABAT YANG MENGAMBIL
TINDAKAN PEWARTAAN DEPOSIT PADA TAHUN 2022

BIL.	PEJABAT	JENIS/KOD DEPOSIT	BILANGAN PENDEPOSIT	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT DIWARTAKAN (RM)	JUMLAH DEPOSIT DIWARTAKAN TIDAK DITUNTUT (RM)
1.	PDT Rembau (Bahagian Hasil)	Deposit Am (79501)	4	2020-2021	16,120.00	16,120.00
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	Deposit Cagaran (70103)	TM	TM	275,853.64.	275,853.64
JUMLAH					291,973.64	291,973.64

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

Nota: TM - Tiada Maklumat

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Akaun ini terdiri daripada Akaun Memorandum Aset dan Akaun Memorandum Liabiliti. Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan Kerajaan Negeri manakala Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

9.1. Memorandum Aset - Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat milik Kerajaan Negeri. Sumber dana bagi membiayai pinjaman kepada agensi tersebut adalah daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

9.1.2. Kerajaan Negeri mengeluarkan baki pinjaman kepada Yayasan Negeri Sembilan pada tahun 2022 berjumlah RM3 juta. Keseluruhan pinjaman yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 14 Oktober 2020 berjumlah RM10 juta. Pengeluaran pinjaman pertama dan kedua keseluruhan berjumlah RM7 juta telah dikeluarkan pada 13 November 2020 dan 7 Julai 2021.

9.1.3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2022 menurun sebanyak RM1.34 juta (3.3%) menjadi RM39.32 juta berbanding RM40.66 juta pada tahun 2021. Baki tersebut merupakan baki pinjaman oleh dua Badan Berkanun Negeri dan satu Pihak Berkuasa Tempatan. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI	SUMBER PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	BAKI HUTANG		PERUBAHAN	
				2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
BADAN BERKANUN NEGERI							
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	Persekutuan	35.29	22.16	24.20	(2.04)	(8.4)
2.	Yayasan Negeri Sembilan	Negeri	16.70	10.0	9.10	0.90	9.9
PIHAK BERKUASA TEMPATAN							
1.	Majlis Bandaraya Seremban	Persekutuan	9.46	7.16	7.36	(0.20)	(2.7)
JUMLAH			61.45	39.32	40.66	(1.34)	(3.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

9.1.4. Pada tahun 2022 kesemua tiga agensi yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik berjumlah RM5.10 juta yang terdiri daripada bayaran balik pokok sejumlah RM4.34 juta dan bayaran balik faedah sejumlah RM0.77 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh agensi pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
OLEH AGENSI PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2.59	1.81	0.78	43.1
2.	Yayasan Negeri Sembilan	2.31	1.74	0.57	32.8
3.	Majlis Perbandaran Seremban	0.20	0.20	0.00	0.0
4.	Majlis Daerah Rembau	0.00	0.04	(0.04)	(100.0)
5.	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.00	5.65	(5.65)	(100.00)
JUMLAH		5.10	9.44	(4.34)	(46.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

9.1.5. Pada tahun 2022, tunggakan bayaran balik pinjaman oleh agensi kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM11.28 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM9.11 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM2.17 juta. Tunggakan tersebut telah berkurang sejumlah RM2.71 juta (19.4%) berbanding RM13.99 juta pada tahun 2021. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	AGENSI	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	11.28	12.78	(1.50)	(11.7)
2.	Yayasan Negeri Sembilan	0.00	1.21	(1.21)	(100.0)
JUMLAH		11.28	13.99	(2.71)	(19.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

9.1.6. Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah dibuat bayaran balik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2022, terdapat dua pinjaman bagi Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) yang sepatutnya telah diselesaikan dalam tempoh anuiti tetapi masih belum dibuat bayaran balik sepenuhnya. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
YANG SEPATUTNYA TELAH DISELESAIKAN BAYARAN

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	SYARAT BAYARAN BALIK	TARIKH SEPATUTNYA SELESAI	BAKI BELUM SELESAI 31.12.2022 (RM Juta)
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN				
1.	Projek Kompleks Bandar Baru Serting	Lapan anuiti, bayaran pertama pada 30.9.1991	30.09.1998	7.66
2.	Projek Perumahan Bukit Chedang	Dua anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1983	30.12.1984	3.62
JUMLAH				11.28

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022

9.2. Memorandum Aset - Pelaburan

Pada tahun 2022, pelaburan di Akaun Memorandum berjumlah RM47.72 juta dan tiada perubahan berbanding jumlah pelaburan pada tahun 2021. Pelaburan sukuk telah dicairkan sejumlah RM5 juta dan Kerajaan Negeri telah menambah pelaburan dalam deposit jangka panjang menjadikan baki pelaburan kekal pada jumlah RM47.72 juta. Kedudukan pelaburan di Penyata Akaun Memorandum pada akhir tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	PERIHAL PELABURAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Amanah Saham Bank Islam	0.00	0.00	25.72	0.00	0.00
2.	Bank Islam Malaysia Berhad	0.00	17.00	17.00	0.00	22.00
3.	Sukuk Danainfra Nasional Berhad	5.00	5.00	5.00	5.00	0.00

BIL.	PERIHAL PELABURAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
4.	Akaun Amanah Institusi (ITA), Amanah Raya Berhad	25.00	25.00	0.00	0.00	0.00
5.	AmBank Islamic	17.00	0.00	0.00	0.00	0.00
6.	Bank Pembangunan Malaysia Berhad	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
7.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd	0.00	0.00	0.00	25.72	25.72
8.	RHB Islamic Bank Berhad	0.00	0.00	0.00	17.00	0.00
JUMLAH		47.00	47.00	47.72	47.72	47.72

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2018 hingga 2022

9.3. Memorandum Liabiliti - Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan Negeri menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan. Baki Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2022 menurun sebanyak RM0.69 juta (0.1%) menjadi RM926.83 juta berbanding RM927.52 juta pada tahun 2021.

9.3.2. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM0.69 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Bayaran balik ini bayaran bagi tunggakan dan tiada bayaran balik anuiti pada tahun 2022. Kedudukan Hutang Awam pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	721.28	721.28	0.00	0.0
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	74.28	74.97	0.69	0.9
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	15.22	15.22	0.00	0.0
4.	Pelbagai	116.05	116.05	0.00	0.0
JUMLAH		926.83	927.52	(0.69)	0.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

9.3.3. Pada tahun 2022, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM46.93 juta (11.4%) menjadi RM459.36 juta berbanding RM412.43 juta pada tahun 2021. Tunggakan sejumlah RM459.36 juta terdiri daripada tunggakan pokok berjumlah RM448.01 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM11.35 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	348.38	310.85	37.53	12.1
2.	Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	16.25	12.67	3.58	28.3
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2.18	1.09	1.09	100
4.	Pelbagai	92.55	87.82	4.73	5.4
JUMLAH		459.36	412.43	46.93	11.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

9.3.4. Tunggakan bayaran balik pinjaman tersebut melibatkan tunggakan bagi lapan projek Rancangan Bekalan Air berjumlah RM348.38 juta yang belum diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), empat projek Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM16.25 juta, satu projek Perbadanan Kemajuan Negeri berjumlah RM2.18 juta dan enam projek Pelbagai berjumlah RM92.55 juta.

Maklum Balas Pejabat Kewangan Negeri pada 3 Julai 2023

Pinjaman bagi tiga projek Rancangan bekalan Air akan dibayar mengikut kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, bagi Pinjaman Pelbagai akan dimasukkan dalam senarai untuk bayaran balik pinjaman pada tahun 2024 berdasarkan Belanjawan Tahun 2024.

Pernyataan Audit | **Usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah baik bagi mengutip tunggakan premium tanah dan melunaskan baki/tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.**

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan. Nota ini memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) ataupun tunggakan hasil merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berasaskan kepada bil, invoice dan sebagainya. Pada tahun 2022, ABT bagi 20 pemungut hasil berjumlah RM140.45 juta, menurun sebanyak RM4.70 juta (3.2%) berbanding RM145.15 juta pada tahun 2021. Kedudukan ABT pada tahun 2022 berbanding 2021 seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	JENIS HASIL	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah (PDT)/Denda Lewat	74.52	75.65	(1.13)	(1.5)
2.	Jualan Air (JBA)	27.65	28.26	(0.61)	(2.2)
3.	Caj Air Mentah (BKSA)	23.13	24.21	(1.08)	(4.5)
4.	Hasil-hasil Lain	15.15	17.03	(1.88)	(11.0)
JUMLAH		140.45	145.15	(4.70)	(3.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

10.1.2. Penurunan ABT disebabkan oleh penurunan semua jenis hasil kecuali sewa gerai dan pinjaman kenderaan awam di bawah Hasil-hasil Lain. Tunggakan cukai tanah menurun sebanyak RM1.13 juta (1.5%) kepada RM74.52 juta berbanding RM75.65 juta pada tahun 2021. Manakala tunggakan jualan air Jabatan Bekalan Air (JBA) juga menurun sebanyak RM0.61 juta (2.2%) kepada RM27.65 juta berbanding RM28.26 juta pada tahun 2021. Selain itu, tunggakan caj air mentah Badan Kawal Selia Air (BKSA) menurun sebanyak RM1.08 juta (4.5%) kepada RM23.13 juta berbanding RM24.21 juta pada tahun 2021. Manakala ABT bagi Hasil-hasil Lain menunjukkan penurunan sebanyak RM1.88 juta (11.0%) kepada RM15.15 juta pada tahun 2022 berbanding RM17.03 juta pada tahun 2021. ABT Hasil-hasil Lain terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM11.28 juta, tunggakan sewa bangunan kediaman kerajaan (Rumah Awam Harga Rendah) berjumlah RM3.15 juta, duti hiburan berjumlah RM0.64 juta, tunggakan sewa gerai berjumlah RM0.02 juta dan hasil pelbagai berjumlah RM0.06 juta.

10.1.3. Pada keseluruhannya, ABT Cukai Tanah menurun sebanyak RM1.13 juta (1.5%) kepada RM74.52 juta berbanding RM75.65 juta pada tahun 2021. Lima Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) menunjukkan penurunan tunggakan cukai tanah antara 7.5% hingga 35.6%. Manakala hanya tiga PDT menunjukkan peningkatan antara 2.2% dan 21.2%. Tunggakan cukai tanah mengikut PDT seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADA AKHIR TAHUN 2022 BERBANDING 2021

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Seremban	53.04	51.90	1.14	2.2
2.	Port Dickson	16.17	17.65	(1.48)	(8.4)
3.	Jempol	1.81	2.12	(0.31)	(14.6)
4.	Tampin	0.90	1.30	(0.40)	(30.8)
5.	Jelevu	0.80	0.66	0.14	21.2
6.	Kuala Pilah	0.71	0.62	0.09	14.5
7.	Rembau	0.62	0.67	(0.05)	(7.5)
8.	Gemas	0.47	0.73	(0.26)	(35.6)
JUMLAH		74.52	75.65	(1.13)	(1.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2022 dan 2021

10.1.4. Pada tahun 2022, **Pegawai Kewangan Negeri telah meluluskan sebanyak 78 permohonan hapus kira hasil berjumlah RM4.88 juta, berbanding 72 permohonan berjumlah RM5.67 juta pada tahun 2021.** Jumlah ini berkurangan sebanyak RM0.79 juta pada tahun 2022 berbanding jumlah hapus kira pada tahun 2021. Hapus kira yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada tahun 2022 adalah hapus kira ke atas tunggakan Cukai Tanah, Notis 6A di PDT berjumlah RM4.42 juta. Selain itu, Pegawai Kewangan Negeri (PKN) juga telah meluluskan hapus kira antaranya ke atas terimaan bayaran balik tahun lalu berjumlah RM0.05 juta dan cukai taksiran yang dimohon oleh Majlis Bandaraya Seremban, Majlis Daerah Rembau dan Majlis Perbandaran Port Dickson berjumlah RM0.41 juta.

10.1.5. Bagi tahun 2018 hingga 2022, sejumlah RM38.87 juta tunggakan hasil telah dihapus kira melalui kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

11. RUMUSAN AUDIT

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir tahun 2022 adalah kukuh. Penemuan utama Audit adalah seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak RM93.71 juta, iaitu daripada RM733.63 juta pada tahun 2021 kepada RM639.92 juta;

11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih semasa sejumlah RM30.98 juta berbanding defisit pada tahun 2021 berjumlah RM100.07 juta;

11.3. pembayaran di bawah AP58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri menurun dengan ketara sejumlah RM0.95 juta (95.5%) menjadi RM45,341.63 pada tahun 2022 berbanding RM1 juta pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, dua baucar bayaran berjumlah RM20,881.10 tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima;

11.4. baki Hutang Awam menurun sebanyak RM0.69 juta (0.1%) menjadi RM926.83 juta berbanding RM927.52 juta pada tahun 2021. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM46.93 juta (11.4%) menjadi RM459.36 juta berbanding RM412.43 juta pada tahun 2021; dan

11.5. Akaun Belum Terima pada tahun 2022 menurun sebanyak RM4.70 juta (3.2%) menjadi RM140.45 juta berbanding RM145.15 juta pada tahun 2021.

12. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik prestasi kewangan, Kerajaan Negeri disyorkan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

12.1. memastikan pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan 58(a) di mana permohonan pembayaran hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Selain itu, Pejabat Kewangan Negeri Sembilan perlu mengambil langkah penambahbaikan yang lebih proaktif bagi menangani isu berulang iaitu pembayaran di bawah AP58(a);

12.2. meningkat dan mengurangkan ketirisan hasil Kerajaan Negeri serta meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri; dan

12.3. memantau serta berusaha memungut baki ABT sejumlah RM140.45 juta serta tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi negeri sejumlah RM11.28 juta. Liabiliti Kerajaan Negeri juga perlu diimbangi dengan membuat pembayaran bagi Hutang Awam secara berkala dalam jumlah yang konsisten.